



## NEWS CLIPPINGS



Headline	:	Usaha beri kembali kepada masyarakat setempat
Media	:	Utusan Borneo
Day/Date	:	9 March 2019
Page	:	
Links	:	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/09/usaha-beri-kembali-kepada-masyarakat-setempat/">https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/09/usaha-beri-kembali-kepada-masyarakat-setempat/</a>

**Usaha beri kembali kepada masyarakat setempat**

2019-03-09T02:00:01+08:00



RASMI: Nan Yusri melakukan simbolik perasmian Pusat Gedung Ilmu Deleum sambil disaksikan oleh Alias dan Awang Rapbil.

MIRI: Seramai 265 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Bakam Miri kini boleh mendapatkan akses pelbagai bahan bacaan menerusi projek pengubahsuaian pusat sumber oleh syarikat Deleum Berhad.

Projek itu merupakan sebahagian usaha Deleum Berhad bagi memberi kembali kepada masyarakat setempat di sini.

Pengarah Urusan Kumpulan Deleum Nan Yusri Nan Rahimy berkata, SK Kampung Bakam diambil sebagai sekolah angkat di bawah program PINTAR syarikat terbabit sejak 2014.

“Objektif utamanya adalah membantu dan memberi inspirasi kepada murid seterusnya memainkan peranan membentuk mereka menjadi modal insan gemilang.

“Sejajar dengan program #MiriMembaca, kita juga mahu menggalakkan mereka membina tabiat membaca agar menjana idea kreatif serta inovatif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Pusat Gedung Ilmu Deleum dan majlis pelancaran #MiriMembaca Peringkat Daerah Miri 2019 di SK Kampung Bakam di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Miri Alias Ngah, Guru Besar SK Bakam Awang Rapbil Awang Sulaiman dan Timbalan Naib Pro Canselor Curtin Malaysia, Profesor Beena Giridharan.

Menurutnya, perpustakaan sekolah itu diubah suai kepada Pusat Gedung Ilmu Deleum dengan menyediakan pelbagai bahan bacaan dan pendidikan bagi membantu membudayakan murid membaca.

“Projek itu turut mendapat sokongan sukarelawan Curtin Malaysia bekerjasama dengan Deleum merealisasikan program tersebut,” ujarnya.

Katanya, penggunaan perpustakaan masih dilihat relevan meskipun perkembangan teknologi semakin pesat masa kini.

Bagi pelaksanaan program #MiriMembaca, ia memerlukan penglibatan secara menyeluruh daripada warga sekolah sama ada murid mahupun guru.

“Saya yakin dengan adanya bimbingan guru-guru, tabiat membaca kalangan murid dapat dipupuk, bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

“Diharapkan melalui sumbangan dan usaha ini, bukan sahaja memberi semangat kepada murid menerokai pendidikan secara mendalam tetapi mampu membantu meningkatkan prestasi sekolah ini,” jelasnya.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Daerah Miri Shirini Mastura Mohamed Zulkifli berkata beliau merakamkan penghargaan kepada Deleum dan Curtin Malaysia membantu membangunkan kualiti pusat rujukan ilmu di sekolah tersebut.

“Terima kasih atas usaha itu, bukan sahaja menggalakkan murid datang ke pusat sumber itu malah melalui program ini kita mampu bersama melahirkan generasi muda cinta akan ilmu pengetahuan menerusi bahan bacaan.

“Malah, program #MiriMembaca dilaksana merupakan inisiatif membudayakan amalan membaca dalam kehidupan selaras dengan usaha kerajaan menjadi Negara Membaca menjelang 2030,” katanya dalam teks dibacakan oleh Alias.

□ oleh

Connie Sylvia Mesa